

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Semua kementerian digesa guna ciptaan tempatan	Utusan Malaysia
2.	UPNM cipta produk pantau operasi di lapangan	Utusan Malaysia
3.	Buku Madius Tangau dilancar	Utusan Malaysia
4.	MOSTI sedia RM1j rangsang R&D	Utusan Malaysia
5.	MARDI biak kunyit hitam hasilkan produk kesihatan	Harian Metro
6.	Yakini produk inovasi tempatan	Kosmo
7.	Mosti galak produk inovasi tempatan	Sinar Harian
8.	MOSTI gesa kementerian lain manfaatkan produk R&D tempatan	BERNAMA
9.	MARDI sasar produk kunyit hitam tembusi Asia Barat, jualan RM10 juta	BERNAMA
10.	Tindakan sewajarnya jika susu disahkan tiruan - KPDNKK	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MCY) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 14 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

Semua kementerian digesa guna ciptaan tempatan

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berharap semua kementerian lebih terbuka menerima inovasi baharu tempatan terutama idea yang boleh membantu meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, langkah itu bukan sekadar membantu melahirkan usahawan inovasi yang berdaya maju, malah menjadikan Malaysia sebagai pengeluar produk bertaraf antarabangsa.

Menurutnya, pada tahun ini sahaja sebanyak 133 produk dalam pelbagai bidang telah dikomersialkan berbanding 130 produk pada tahun lalu, sekali gus membuktikan Malaysia memiliki kepakaran yang mampu menyumbang kepada pendapatan negara.

"Kita ambil contoh produk *Tactical Communications Operations Management System* (TACCOMS)

yang dihasilkan oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan kerjasama ARS Sejahtera Sdn. Bhd. dilihat amat berguna kepada tentera. Jadi kita berharap Kementerian Pertahanan dapat menggunakan ciptaan ini bagi meningkatkan perkhidmatan dalam bidang ketenteraan.

"Sementara itu, produk CamMuka yang merupakan sistem pengesanan wajah yang dicipta melalui proses penyelidikan dan pembangunannya oleh pakar forensik digital daripada CyberSecurity Malaysia berdasarkan kemahiran dan pengalaman dalam teknologi biometrik membantu dalam proses kehakiman. Sekiranya ketika sesi perbicaraan di mahkamah, imej dari kamera litar tertutup (CCTV) tidak berapa jelas sebagai bahan bukti, namun melalui CamMuka ini akan memudahkan hakim membuat penilaian melalui imej tiga dimensi

(3D)," katanya ketika ditemui selepas melancarkan tujuh produk Tahun Pengomersialan Malaysia (MCY) 2017, di sini hari ini.

MCY yang diadakan selama dua hari bermula semalam dianjurkan sempena Sidang Kemuncak Komuniti Keusahawanan Global 2017 (GEC) dengan tema 'Mereka Bentuk Teknologi Untuk Masa Depan Lestari'.

Madius berkata, MOSTI akan terus berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat, kementerian dan agensi lain serta syarikat berkepentingan terhadap produk inovasi ciptaan anak tempatan untuk dimajukan dan digunapakai dalam kehidupan harian.

"Selain memberi dana melalui Techno Fund bagi membantu menghasilkan lebih banyak produk inovasi, MOSTI akan terus meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan produk yang dicipta tetapi dalam masa sama

mereka perlu yakin dengan inovasi tempatan dan perlu berkongsi serta bekerjasama sama agar produk-produk yang dihasilkan itu dapat digunakan dalam pelbagai bidang di negara ini.

"Apa yang terjadi kini, produk sudah dikomersialkan tetapi kita sendiri takut untuk menggunakannya, kita sendiri tidak yakin dengan produk tempatan. Itulah yang menjadi cabaran untuk memaksimumkan penggunaan produk tempatan dalam pentadbiran negara serta memasuki pasaran antarabangsa," jelasnya.

Beliau juga berharap masyarakat tidak memandang rendah terhadap produk tempatan kerana produk yang dihasilkan melalui sokongan MOSTI memiliki kelebihan tersendiri, tahan lasak dan pertama yang dicipta di dunia selain memiliki sijil serta memenuhi standard yang digariskan di bawah kementerian.



MADIUS TANGAU bersama Timbalan Menteri Sains Dan Teknologi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah bersama tetamu pada pelancaran MCY 2017 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MCY) : MUKA SURAT 6 TARIKH : 14 DISEMBER 2017 (KHAMIS)



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan piala dan *mock cheque* kepada Syed Nasir Alsagoff dan Pengarah Urusan ARS Sejahtera Sdn.Bhd., Datuk Abdul Rahim Saad yang memenangi Anugerah Ulung MCY 2017 sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia 2017 di Kuala Lumpur, kelmarin.

SENARAI PEMENANG MCY 2017

Kategori	Pemenang	Nilai Anugerah
Anugerah Ulung MCY	TACCOMS Agensi: UPNM	RM100,000
Anugerah Urusniaga Komersial	Ananocoat Agensi: TPM	RM130,000
Anugerah Penyelidikan dan Perkongsian Perniagaan	Palm Based Chicken Feed Agensi: MPOB	RM130,000
Anugerah Usahawan Penyelidik	TACCOMS Agensi: UPNM	RM130,000
Anugerah Inovator Baharu	Tigerus Cordyseps Agensi: Bioeconomy	RM130,000
Anugerah Usahawan Sosial	terapi.my Agensi: TPM	RM130,000

UPNM cipta produk pantau operasi di lapangan

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Melindungi negara daripada ancaman musuh merupakan tugas yang cukup kritikal dan mencabar yang memerlukan sokongan peralatan terkini yang canggih serta mampu menghadapi sebarang cabaran.

Penggunaan peralatan canggih untuk tujuan risikan dan pemantauan ketenteraan amat penting kerana bukan sahaja mampu memberikan maklumat tepat, malah dapat mengurangkan risiko kehilangan nyawa anggota keselamatan yang terlibat dalam operasi.

Ini kerana pihak musuh juga tidak ketinggalan menggunakan peralatan daripada sentuhan teknologi terbaharu dalam usaha menggugat kedaulatan dan keamanan negara seteru mereka.

Justeru itu, sokongan teknologi yang sesuai dengan keperluan amat diperlukan agar negara sentiasa selamat daripada ancaman luar dan dalam masa sama keselamatan anggota turut menjadi perkara utama dalam mempertahankan kemerdekaan negara.

Menyadari kepentingan itu, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) lahir dengan idea dan konsep segar mencipta



perisian *Tactical Communications Operations Management System (TACCOMS)* yang membolehkan pergerakan anggota di kawal serta dipantau dari jauh.

Perisian tersebut dihasilkan melalui penyelidikan selama enam tahun dengan kerjasama ARS Sejahtera Sdn. Bhd., sebuah syarikat pembekal peralatan tentera yang berjaya memenangi Anugerah Ulung dan Anugerah Usahawan Penyelidik Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2017 dan membawa pulang trofi dan dana berjumlah RM230,000.

Menurut Prof. Madya Kapten Syed Nasir Alsagoff Syed Zakaria (Bersara) daripada Fakulti Sains

Pertahanan dan Teknologi UPNM, ciptaan TACCOMS dilihat dapat membantu negara daripada ancaman musuh dan dalam masa sama perisian itu merupakan kaedah terbaharu membolehkan pemerhatian daripada pelbagai sudut berbanding sebelum ini sekadar mendapat informasi daripada anggota di lapangan melalui radio atau *walkie talkie*.

"Melalui TACCOMS, komander boleh melihat kedudukan anggota di lapangan dan dalam masa sama dapat menghantar pesanan sama ada secara video, gambar atau suara menggunakan telefon pintar yang lengkap dengan sistem android.

"Anggota di lapangan pula akan menerima arahan daripada komander yang memantau pergerakan mereka dari jauh. Anggota dapat menerima imej, suara atau video melalui telefon pintar yang diletakkan di badan anggota menggunakan *body harness, wrist vailable dan smart glass*" katanya ketika ditemui Utusan Malaysia.

Tambah Syed Nasir Alsagoff, produk ini memberi manfaat kepada kerajaan dalam memantau keselamatan negara daripada ancaman musuh.

"Ciptaan ini amat sesuai digu-

nakan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan jabatan lain kerana ia turut membantu ketika operasi membanteras apa jua isu yang melanggar peraturan negara," jelasnya.

Menurutnya, antara objektif utama produk tersebut dihasilkan adalah untuk meningkatkan keberkesanan anggota di lapangan serta memudahkan menyampaikan informasi dan arahan secara pantas dan berkesan selain mengetahui situasi semasa.

"Kami yakin produk tersebut memiliki potensi besar dan bakal memperkenalkan produk ini kepada semua kementerian kerana ia memberi manfaat yang menyeluruh. Dalam masa sama, kami juga akan memasarkan (produk) ini ke luar negara seperti Thailand dan Indonesia yang memiliki potensi besar menggunakan perisian ini.

"Insyallah pada tahun depan, kita akan cuba memasuki pasaran United Kingdom dan Perancis pula, selain aktif menyertai pameran dan persidangan antarabangsa," jelasnya.



PENERIMA Anugerah Usahawan MCY 2017 bergambar selepas perasmian Sidang Kemuncak Komuniti Keusahawanan Global 2017 (GEC) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/ZAINI HUSIN

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MCY) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 14 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

Buku Madius Tangau dilancar

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
dan SYAHIDI BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 DIS.

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melancarkan sebuah buku baharu berhubung kerancakan teknovasi (teknologi dan inovasi) dengan menekankan kepentingan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2017 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Buku yang diterbitkan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berjudul *Komunikasi Sains, Tulus, Integriti Demi Kesejahteraan Masyarakat* setebal 307 halaman itu menghimpunkan 42 artikel hasil tulisan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau sejak tahun lalu.

Menurut Madius, buku tersebut merungkakan dengan lebih jelas mengenai kepentingan STI terutama dalam memangkin pertumbuhan ekonomi negara.

"Buku ini sebagai satu usaha dalam memberi pendedahan dan cara komunikasi kepada rakyat berkaitan sains, teknologi dan inovasi terutama dalam membantu negara meningkatkan ekonomi dan untuk kesejahteraan rakyat.

"Saya menulis (buku ini) dengan bantuan penyelidik dan pegawai-pegawai. Buku ini merupakan rangkuman artikel yang pernah disiarkan dalam akhbar *Daily Express Sabah*, laman sosial MOSTI dan laman sosial saya sendiri. Kesemua artikel ini disusun mengikut kategori dalam empat bab iaitu Ekonomi Kreatif dan Digital (bab pertama), Sains untuk Dasar dan Diplomasi

(bab kedua), Kesejahteraan dan Pemerkasaan Masyarakat (bab ketiga) serta Wawasan dan Bakat Untuk Masa Depan (bab keempat)," katanya ketika ditemui pemberita, semalam.

Terdahulu, buku terbitan sulung hasil usaha sama MOSTI dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempena Sidang Kemuncak Komuniti Keusahawanan Global 2017 (GEC).

Tambah Madius, buku tersebut juga antara lain memperjelaskan situasi pembaharuan teknologi yang sebenarnya banyak memberi faedah dan kebaikan kepada masyarakat, negara dan dunia daripada aspek ekonomi, teknologi mahupun kesejahteraan kesihatan global.

Katanya, buku itu juga turut menjelaskan kepentingan rakyat mengambil tahu dan memahami setiap teknologi yang berlaku, bagaimana berlaku dan manfaatnya kepada mereka.

"Penulisan ini akan diteruskan pada setiap Ahad sebagai medium komunikasi dan hebahan kepada masyarakat berkaitan peranan kementerian dan perkembangan teknologi semasa.

"Akhirnya kita mahu masyarakat menerima kelebihan nilai STI dalam kehidupan dan kerana itu teknologi perlu dirakytakan. Dalam masa sama pendidikan serta penyelidikan perlu diteruskan supaya dapat menghasilkan teknologi yang baik, selain perlu berinovasi untuk menyelesaikan permasalahan daripada pelbagai sudut seperti isu kemasyarakatan dan ekonomi," jelasnya.

Setiap isi dalam buku tersebut diadun lengkap mencakupi pelbagai aspek sebagai garis panduan untuk masa hadapan rakyat Malaysia selaras dengan inisiatif Transformasi Nasional 2050 (TN50) oleh kerajaan demi perseidaan menghadapi masa depan.



MADIUS TANGAU
bergambar bersama
buku hasil tulisannya
selepas majlis pelancaran
buku tersebut sempena
Tahun Pengkomersialan
Malaysia 2017 di Kuala
Lumpur, kelmarin.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MCY) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 14 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

MOSTI sedia RM1j rangsang R&D

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Sebanyak RM1 juta diperuntukkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi menghargai kalangan usahawan tempatan yang berjaya menghasilkan produk berinovasi yang memberi manfaat besar kepada industri.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, hasil inovasi dicipta oleh usahawan tempatan terbukti memberi manfaat, maka segala usaha mereka itu perlu dihargai sebagai instrumen menggalakkan penyertaan usahawan dalam penghasilan produk yang berinovasi tinggi.

Beliau berkata, Anugerah Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2017 merupakan salah satu inisiatif bermatlamat memberi pengiktirafan dan insentif kepada produk dan teknologi-teknologi terbaik yang dihasilkan usahawan tempatan.

"Anugerah ini membuktikan kesungguhan kerajaan bagi merangsang minat pengkomersialan produk dan budaya penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia.

"Sehingga 31 November 2017, sebanyak 133 produk dan teknologi tempatan telah berjaya dikomersialkan. Semua pencalonan anugerah terbuka kepada 44 agensi yang telah menyumbang kepada Indeks Prestasi Utama (KPI) Khas bagi MCY," katanya dalam Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) - Menginspirasi Inovasi Masa Depan di Dewan Persidangan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini hari ini.



Anugerah ini membuktikan kesungguhan kerajaan bagi merangsang minat pengkomersialan produk dan budaya penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia."

MADIUS TANGAU
Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi



MADIUS TANGAU

Sejumlah enam kategori dipertandingkan melibatkan nilai hadiah keseluruhan berjumlah RM1 juta dan dipecahkan kepada beberapa kategori seperti Anugerah Ulung MCY (RM100,000 selain trofi MCY, cek dan hamper serta sijil) dan lima kategori lain iaitu Anugerah Urusniaga Komersil (RM130,000); Anugerah Penyelidikan & Perkongsian Perniagaan (RM130,000); Anugerah Usahawan Penyelidik (RM130,000) dan Anugerah Inovator Baharu yang menawarkan hadiah wang tunai RM130,000 serta trofi MCY, cek, hamper serta sijil penyertaan.

Menurut Madius, selain hadiah utama, beberapa hadiah saguhati juga disediakan antaranya Anugerah Usahawan Sosial (RM130,000) serta lima hadiah sagu hati dengan setiap satunya bernilai RM50,000 beserta trofi MCY, cek, hamper dan sijil.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 43
TARIKH : 14 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

Kuala Lumpur: Selepas tujuh tahun menjalankan kajian mengenai kunyit hitam, saintis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Dr Zuraida Ab Rahman mengakui tumbuhan herba itu baik untuk kesihatan.

Menurutnya, kunyit hitam tumbuh di benua Asia terutama Thailand dan Malaysia namun ia sukar membiak.

"Saya dapat kunyit hitam ini daripada seorang mak cik di negara kita juga. Ia susah membiak, jadi saya buat pengkulturan tisu supaya lebih banyak dan baru diambil isi ubinya yang berwarna ungu gelap. Kami buat dari 2010.

"Kami mengkaji bahan aktif di dalamnya. Dan kami dapati khasiat utama ialah dari segi tenaga serta mempunyai keberkesanan yang memang positif bagi resdung, buasir, kanser dan sakit wanita terutama bagi yang baru lepas bersalin," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Beliau ditemui sempena pelancaran produk kunyit

MARDI biak kunyit hitam hasilkan produk kesihatan



WILFRED (tengah) bersama Dr Abu Bakar (kiri) melancarkan Produk Tahun Pengkomersialan Malaysia 2017.

hitam yang disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini.

Produk kunyit hitam hasil penyelidikan MARDI itu membabitkan jenama Black

G Health Therapy, Black G Energy Booster, Black G Coffee Premix dan Black G Pure Extract.

Zuraida berkata, setakat ini pihaknya mendapati maklum balas pengguna terhadap produk berkenaan memang memberangsangkan.

"Yang penting ialah kandungan dalam kunyit hitam itu. Kami di MARDI jaga dari segi kualitinya.

"Selalunya orang buat kunyit hitam, hampas saja yang ada manakala bahan aktif tidak ada, sebab itu tidak mendatangkan kesan.

"Lagi satu kekekatannya. Apabila kita menyebut herba, ia mesti membabitkan dos tertentu dan kita tak boleh terlebih dos. Mengenai dos ini pun kami kaji supaya ia sesuai untuk kesan optimum," katanya.

Sementara itu, Wilfred berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-TI) menyasarkan sejumlah 360 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan dikomersialkan melalui kementerian itu menjelang 2020.

Katanya, bagi tahun ini kementerian itu mengkomersialkan 133 produk R&D berbanding 130 produk pada tahun lalu.

"Tahun lalu 130 produk manakala tahun ini 133 produk. Kita mahu lebih lagi pada tahun depan. Menjelang 2020 (kita menyasarkan) 360 produk," katanya kepada pemberita selepas melancarkan produk Tahun Pengkomersialan Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala



DR Zuraida

Lumpur (KLCC), semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Pada majlis itu, Wilfred melancarkan tujuh produk membabitkan sistem pengurusan operasi komunikasi taktikal dikenali sebagai Taccoms, CamMuka (sistem forensik muka biometrik), Black Ginger, RERO (teknologi robot), Terapi.my, MyMata dan Sistem Pemantauan Persekitaran.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 51
TARIKH : 14 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

Yakini produk inovasi tempatan

KUALA LUMPUR - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menggesa semua pihak termasuk agensi kerajaan dan pengguna agar meyakini serta mengguna pakai produk-produk inovasi tempatan yang telah dikomersialkan sebagai usaha memacu perkembangannya di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, pada masa ini pihaknya mendapati, produk inovasi tempatan lebih banyak menerima sambutan daripada pasaran luar berbanding pasaran Malaysia yang kurang mendapat perhatian.

"Sebelum ini, kita pernah melalui beberapa pengalaman yang mana produk inovasi yang telah

dikomersialkan dan mempunyai kilang pembuatan, namun ia tidak diguna pakai oleh pasaran tempatan.

"Malahan, ada yang menerima jualan memberangsangkan daripada pasaran luar tetapi tidak untuk pasaran Malaysia.

"Justeru itu, melihatkan cabaran ini, kementerian meminta agar semua pihak meningkatkan keyakinan terhadap produk ini dan seterusnya mengguna pakai agar dapat membantu menambah baik lagi inovasi pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan tujuh produk inovasi bersempena dengan sidang kemuncak Tahun Pengkomersialan Malay-

sia 2017 (MCY 2017) di sini semalam.

Turut hadir Timbalan MOSTI, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Sementara itu, Wilfred berkata, pada tahun ini sebanyak 133 produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah dikomersialkan berbanding 130 pada tahun lepas.

"Kami menyasarkan untuk mempertingkatkan lagi angka ini pada tahun depan dan amat yakin dapat mencapai sehingga 360 produk dikomersialkan menjelang tahun 2020," jelasnya.

MCY 2017 diadakan bersempena sidang kemuncak Komuniti Keusahawanan Global 2017, yang dianjurkan sebagai pemangkin



WILFRED (kiri) menandatangani plak sempena merasmikan produk inovasi baharu sempena MCY 2017 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.

untuk produk dan khidmat R&D menerusi inisiatif pengkomersialan yang bersesuaian.

Mosti galak produk inovasi tempatan

Foto: AFIQ RAZALI



Wilfred bersama wakil tujuh produk yang dirasmikan, semalam.

NORSHAHZURA MAT ZUKI

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menggesa kementerian dan agensi di negara ini mengguna pakai produk inovasi dibangunkan inovator tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, produk inovasi dibangunkan, berkualiti tinggi melibatkan pelbagai bidang.

"Kita akan berbincang dengan kementerian untuk menggunakan produk inovasi yang dibangunkan antaranya dalam bidang keselamatan yang dilihat setanding dengan produk antarabangsa.

"Kalau negara kita tidak gunakan, siapa lagi akan guna," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan tujuh produk Tahun Pengkormesialan Malaysia sempena Sidang Kemuncak Komuniti Keusahawanan Global 2017.

Wilfred berkata, Mosti menyasarkan 360 produk inovasi yang dikomersialkan menjelang 2020.

"Pada 2017, jumlah produk inovasi dikomersialkan ialah 133 dan beliau jangka angka itu bertambah dari tahun ke tahun," katanya.

Menurutnya, untuk mencapai sasaran, Mosti memberi keyakinan kepada inovator dan memper-

kukuhkan penyelidikan, pembangunan, pengkormesialan, inovasi dan keusahawanan.

"Malaysia mempunyai potensi untuk jadi inovator berdaya saing pada masa hadapan dengan kekayaan hasil semula jadi negara serta industri penyelidikan dan pembangunan yang kukuh," katanya.

"Produk inovasi dikomersialkan dapat sambutan yang baik di peringkat tempatan dan antarabangsa," katanya.

Tambahnya, Mosti merancang meningkatkan pengkormesialan di peringkat antarabangsa demi memastikan kita tidak ketinggalan.



MOSTI Gesa Kementerian Lain Manfaatkan Produk R&D Tempatan

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menggesa kementerian lain supaya memanfaatkan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan yang dikomersialkannya.

Dalam membuat saranan itu, Menteri MOSTI, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, langkah tersebut akan membantu pencipta tempatan mengadakan promosi bagi produk mereka, sekali gus menangani cabaran untuk menembusi pasaran antarabangsa.

"Bagaimana negara lain mahu menggunakan produk kita jika kita sendiri tidak memanfaatkannya? Ia perlu bermula daripada kita sendiri, supaya negara lain akan lebih yakin untuk menggunakan produk ini,"katanya kepada pemberita selepas melancarkan produk Tahun Pengkomersialan Malaysia di sini, hari ini.

Antara produk itu ialah 'CamMuka', sistem forensik wajah biometrik daripada Cybersecurity Malaysia dan 'Reconfigurable Robot', robot pendidikan dengan reka bentuk tanpa skru yang membolehkan pelajar membina beberapa jenis robot dalam masa yang pendek.

Madius berkata, MOSTI telah mengkomersialkan 133 produk R&D tahun ini berbanding 130 produk pada tahun lepas.

Beliau turut yakin, sejumlah 360 produk R&D akan dikomersialkan di bawah kementerian itu menjelang 2020.

-- BERNAMA



MARDI Sasar Produk Kunyit Hitam Tembusi Asia Barat, Jualan RM10 Juta



Produk Black G Nutrima oleh MARDI

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menyasarkan produk makanan tambahan terbaharunya, Black G Nutrima menembusi pasaran Asia Barat dan menjana potensi jualan RM10 juta menjelang pertengahan 2018.

Ketua Pengarahnya, Dr Mohamad Roff Mohd Nor berkata tumpuan pasaran MARDI adalah Arab Saudi dan merancang untuk memasuki rantau itu menerusi Dubai.

"Potensi pasaran (produk) makanan tambahan di Asia Barat adalah amat besar dan turut mencatat pertumbuhan dua angka.

"Kita mesti memasuki pasaran Asia Barat kerana produk-produk halal dan herba Malaysia sudah terkenal di sana dan tiada masalah untuk menembusi pasaran rantau itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran produk itu yang disempurnakan oleh **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau**, di sini, hari ini.

Produk Black G Nutrima dihasilkan MARDI menerusi kerjasama dengan Black G Sdn Bhd dan mengandungi ekstrak kunyit hitam dengan methoxyflavone yang tinggi serta banyak khasiat kesihatan.

Ia dijual dalam empat varian iaitu berasaskan terapi Black G Health Therapy, Black G Energy Booster (tenaga), Black G Coffee Premix (kopi campuran) dan ekstrak asli, Black G Pure Extract.

Mohamad Roff berkata Black G Nutrima itu turut menerima sambutan amat menggalakkan daripada pembeli tempatan dan antarabangsa selepas diperkenalkan pada bulan lepas.

Malah, MARDI turut menerima tempahan produk itu bernilai RM5.2 juta dari China bagi penghantaran tahun depan.

-- BERNAMA



Tindakan Sewajarnya Jika Susu Disahkan Tiruan - KPDNKK

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya jika susu rumusan bayi yang dipercayai tiruan itu disahkan palsu oleh **Jabatan Kimia**, demikian persidangan Dewan Negara diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Henry Sum Agong berkata buat masa ini pihaknya masih menunggu analisis kimia terhadap sampel susu rumusan bayi yang dirampas di Johor, Khamis lepas.

"Produk tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia dan tindakan sewajarnya akan diambil apabila terdapat pengesahan bahawa susu formula itu palsu. Sama-sama kita tunggu laporan daripada pihak Jabatan Kimia untuk pengesahan dan akan diberitahu kepada umum," katanya semasa menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2018 bagi kementeriannya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai respons kepada saranan beberapa senator yang mahu kerajaan bertindak mengarahkan syarikat berkenaan menarik balik kesemua produk terbabit dari pasaran bagi memastikan ketulenannya.

"Tidak mencukupi syarikat terbabit hanya mengeluarkan cara untuk mengenal pasti susu rumusan palsu di laman Facebook," kata Senator Datuk Fahariyah Md Nordin yang mencelah penggulungan Sum.

Beliau juga mahu susu yang ditarik balik itu dibungkus semula dan ditandakan dengan pelekat bagi menunjukkan ia produk tulen.

Media baru-baru ini melaporkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) merampas 210 kotak susu rumusan bayi disyaki tiruan bernilai RM42,000 susulan aduan mengenai seorang bayi mengalami muntah teruk selepas menggunakan produk itu Khamis lepas.

Rampasan itu hasil pemeriksaan KPDNKK di lima kedai ubat-ubatan dan serbaneka di sekitar Iskandar Puteri dan Skudai di Johor.

Sementara itu, Senator Datuk Hanafi Mamat pula mencadangkan agar kerajaan mengeluarkan amaran mengambil tindakan terhadap pihak yang menjual susu palsu terbabit.

-- BERNAMA